



STPM 2026
(KEMASKINI : 9 OKTOBER 2025)

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
KALENDAR PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2026**

PERKARA	PEPERIKSAAN BERTULIS STPM 2026				
	Semester 1	Semester 2	Semester 3	Ulangan 1	Ulangan 2
Tahun Pelaksanaan	(Tahun 2026)	(Tahun 2026)	(Tahun 2026)	(Tahun 2026)	(Tahun 2026)
Tarikh Pendaftaran Dibuka	16 Jun 2025 (Semua jenis calon)			Akan dimaklumkan kemudian	Akan dimaklumkan kemudian
	-	2 Januari 2026 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja)	-		
		3 Ogos 2026 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2025)			
Tarikh Pendaftaran Ditutup	31 Julai 2025 (Semua Jenis Calon)			Akan dimaklumkan kemudian	Akan dimaklumkan kemudian
	-	23 Januari 2026 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja)	-		
		30 Ogos 2026 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2025)			
Tarikh Ujian Lisan Bahasa Arab	-	-	27, 28, 29 Oktober, 3, 4, dan 5 November 2026	-	-
Tarikh Peperiksaan Bertulis	21, 22, 26, 27, dan 28 Januari 2026	29, 30 Jun, 1, 2, dan 6 Julai 2026	17, 18, 19, 24, 25, dan 26 November 2026	30 November, 1, 2, 3, dan 7 Disember 2026	10, 14, 15, 16, dan 17 Disember 2026

Nota:

- Semua maklumat yang tertera adalah tertakluk kepada pindaan dan kelulusan Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Pendaftaran bagi calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dibuat sekaligus pada Semester 1. Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu boleh mendaftar pada Semester 1 atau Semester 2.
- Calon STPM 2025 boleh memperbaiki keputusan secara **keseluruhan peperiksaan STPM 2025 (Pilihan 1)** dengan mendaftar STPM 2026 sebagai calon sekolah swasta atau calon persendirian individu. Calon akan menduduki peperiksaan bertulis STPM 2026 secara sekaligus bagi Semester 3, Ulangan 1, dan Ulangan 2. (Sila rujuk pilihan baharu ini pada Perkara 5 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2026**).
 - Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2025 pilihan 1 boleh memilih sama ada hendak melaksanakan atau tidak melaksanakan Kerja Kursus (KK)/ kertas alternatif bertulis mengikut pilihan yang berikut:
 - Jika calon memilih untuk tidak melaksanakan KK/kertas alternatif bertulis maka markah KK/kertas alternatif bertulis yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan digunakan untuk skor KK/kertas alternatif bertulis tahun memperbaiki keputusan. Kemudahan ini hanya boleh digunakan **sekali sahaja** dan tidak boleh digunakan sekiranya calon mengulang peperiksaan STPM untuk kali kedua atau lebih.
 - Jika calon memilih untuk melaksanakan KK/kertas alternatif bertulis yang baharu pada tahun mengulang, maka markah KK/kertas alternatif bertulis yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan terbatal dan tidak boleh merayu untuk diambil markah KK/kertas alternatif bertulis STPM tersebut. (Sila rujuk pada Perkara 4 dan Perkara 5 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2026**).
 - Bagi calon yang mengambil mata pelajaran baharu berbanding tahun lepas, calon dikehendaki mengambil kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut tidak menawarkan kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK, maka calon dikehendaki melaksanakan KK (Sila rujuk pada Perkara 4.6 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2026**).
 - Calon STPM 2025 boleh memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2025 dengan mendaftar peperiksaan secara **Patching (Pilihan 2)** sebagai calon sekolah swasta atau calon persendirian individu. Calon akan menduduki peperiksaan bertulis pada tahun 2026 secara sekaligus iaitu peperiksaan Semester 1(Patching), Semester 2(Patching), dan Semester 3(Patching). Sila rujuk Kalendar Patching di portal MPM <http://www.mpm.edu.my> (Sila rujuk pilihan baharu ini pada Perkara 5 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2026**).
- Panduan Umum Pengurusan dan Pengendalian KK, Kalendar KK, dan bahan KK mengikut mata pelajaran boleh dirujuk di portal Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Permohonan semak semula keputusan dibuka selama 5 hari bermula dari tarikh keputusan peperiksaan Semester 1, Semester 2, dan Semester 3 diumumkan.
- Sebarang pertanyaan, sila hubungi Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) melalui telefon di talian **03-61261600 samb. 1661/1662/1663/1664/1665** atau e-mel ke stpm@mpm.edu.my.